

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

SOALAN : 61

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan setakat ini berapa banyakkah laman web judi dalam talian disekat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Daripada tahun 2012 sehingga Februari 2016 sejumlah 664 laman web telah disekat oleh MCMC atas kesalahan dibawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, berdasarkan permohonan rasmi dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).